



**Lasting Stability. Future Prosperity.**

# ETBS

Exchange Traded Bonds  
and Sukuk

Listed on Bursa Malaysia

# ETBS

Kini, peluang pelaburan baru yang fleksibel dibuka untuk semua di Bursa Malaysia.

Bon dan/atau Sukuk lazimnya adalah kelas aset kewangan yang boleh melindungi nilai dalam situasi pasaran saham yang lemah, serta kaedah untuk membangunkan satu pendapatan yang mantap untuk tempoh yang panjang. Namun begitu, dahulunya pasaran bon dan/atau sukuk hanya boleh diakses oleh institusi dan kategori pelabur bernilai tinggi.

Kini, dengan ETBS, semua pelabur boleh mengakses pasaran bon dan/atau sukuk dengan mudah, melalui pasaran saham.

## APAKAH ETBS?

ETBS adalah sekuriti pendapatan tetap, juga dikenali sebagai bon atau sukuk\*, yang disenarai dan diniagakan di pasaran saham. ETBS diterbitkan sama ada oleh syarikat atau kerajaan (penerbit) untuk mengumpul dana bagi keperluan mereka. ETBS mempunyai pelbagai struktur seperti kadar tetap, kadar terapung dan hibrid.

*\* Sukuk merujuk kepada terbitan yang mematuhi prinsip Syari'ah*

# MENGAPA MELABUR DALAM ETBS?

## MENGAPA MELABUR DALAM ETBS?

**Fleksibiliti dan Kemudahan Dagangan:** ETBS diniagakan di Bursa Malaysia dan ini memudahkan jualan dan pembelian ETBS seperti dagangan saham.

**Ketelusan:** ETBS disenaraikan di bursa untuk membolehkan pelabur mengakses harga masa sebenar dan volum, sama seperti saham. Ini akan dapat membantu pelabur memantau pelaburan mereka dan menerima maklumat terkini.

**Diversifikasi:** Pelabur boleh mempelbagaikan portfolio mereka dengan melabur dalam ETBS untuk melengkapkan pelaburan mereka dalam kelas aset lain seperti ekuiti, derivatif, unit amanah dan sebagainya.

**Aliran Pendapatan Tambahan:** Pelabur boleh menikmati manfaat daripada aliran pendapatan yang stabil melalui kupon yang dibayar secara tetap.

# APAKAH ISTILAH YANG DIKAITKAN DENGAN PELABURAN ETBS?



## **PENERBIT**

Syarikat atau pertubuhan kerajaan yang menerbitkan bon dan/atau sukuk kepada pelabur bagi membolehkan pengumpulan dana untuk tujuan operasi, pengembangan atau keperluan lain.

## **PEMEGANG ETBS**

Pemilik sesuatu aset bon atau sukuk.

## **PRINSIPAL**

Amaun yang dipinjam oleh penerbit atau amaun yang dipinjamkan oleh pelabur. Secara lazimnya, ini adalah nilai yang dikembalikan kepada pemegang ETBS apabila tempoh matang. Ia juga dikenali sebagai nilai nominal, nilai par, nilai penebusan atau nilai matang ETBS.

## **TARIKH MATANG**

Tarikh di mana penerbit ETBS membayar amaun prinsipal kepada pemegang ETBS. Ia juga dikenali sebagai tarikh penebusan.

## **KUPON**

Amaun faedah yang akan diterima oleh pemegang bon melebihi amaun prinsipal. Secara amnya, ia dinyatakan sebagai peratusan nilai prinsipal.

## **KEKERAPAN KUPON**

Kekerapan di mana pembayaran kupon dibuat kepada pemegang ETBS.

## **PEMEGANG AMANAH**

Pertubuhan kewangan yang telah diberi kuasa fidusiari untuk memastikan kontrak ETBS antara penerbit ETBS dan pemegang ETBS dipenuhi. Mereka bertindak bagi kepentingan pemegang ETBS.

## **JAMINAN**

Kerajaan, syarikat induk atau komersil yang akan bertindak sebagai penjamin untuk penerbit ETBS jika berlaku kemungkiran.

# 2

## APAKAH FAKTOR YANG MENENTUKAN HARGA SESUATU ETBS?

### **Harga dan Hasil**

Harga dan kadar hasil bon dan/atau sukuk ditentukan terutamanya oleh permintaan dan bekalan di dalam pasaran. Pelabur mahukan kadar hasil atau pulangan terbaik dari pelaburan mereka. Maka apabila harga ETBS rendah, pelabur hanya sanggup membayar harga rendah untuk ETBS tersebut agar memperolehi kadar hasil yang lebih baik. Sebaliknya, harga ETBS yang tinggi bermakna pulangan adalah lebih rendah, memandangkan bayaran kupon untuk sesuatu ETBS umumnya ditetapkan pada nilai pokok bon dan/atau sukuk tersebut dan tidak berubah mengikut pasaran semasa.

### **Kadar Faedah**

Apabila kadar faedah bertukar, harga bon dan/atau sukuk juga turut bertukar. Kepekaan terhadap kadar faedah adalah salah satu perkara utama yang mempunyai kesan terhadap harga ETBS. Seandainya kadar faedah purata pasaran naik, kadar hasil semasa ETBS akan menjadi satu pelaburan yang kurang menarik. Ini akan menyebabkan permintaan pelabur menurun dan akibatnya harga ETBS juga turun, sehingga kadar hasil tersebut menjadi kompetitif dengan kadar lazim. Perkara yang sebaliknya akan berlaku jika kadar faedah turun.

## **Risiko**

Pelabur mesti mempertimbangkan risiko kredit entiti penerbit ETBS sebelum melabur dalam ETBS. Pada asasnya, risiko kredit adalah kebarangkalian entiti penerbit ETBS akan atau tidak mampu membayar balik amaun prinsipal dan faedah ETBS pada tempoh matang. Ini biasanya dikaitkan dengan bon korporat kerana syarikat lebih berisiko berbanding dengan kerajaan. ETBS dinilai dan diberi penarafan oleh beberapa agensi, termasuk Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) atau Ratings Agency Malaysia Berhad (RAM) untuk Malaysia sementara Moody's and Standard & Poor's untuk penarafan antarabangsa. Penarafan tertinggi (AAA) bermaksud ETBS itu membawa risiko kredit terendah. Sekiranya kedudukan syarikat diberi penarafan yang lebih rendah, harga ETBS biasanya akan jatuh kerana pelabur tidak akan membayar harga tinggi untuk ETBS tersebut.

## **Tempoh Matang**

Masa hadapan tidak menentu jika dibandingkan dengan masa kini. Ketidaktentuan dalam dunia kewangan disebut sebagai risiko. Seterusnya, ETBS yang mempunyai tempoh matang yang panjang mempunyai lebih risiko dan cenderung kepada letak harga yang rendah (atau mempunyai hasil nilai yang lebih tinggi). Apabila ETBS ini mula menghampiri tarikh tempoh matang, harga bon tersebut mula menyamai nilai par. Ini kerana pelabur mengetahui bahawa mereka akan memperoleh hasil pelaburan dan risiko kredit akan berkurangan.

# 3

## APAKAH UNIT PELABURAN **MINIMUM?**

ETBS diniagakan dalam saiz lot papan minimum sebanyak 10 unit untuk setiap saiz lot. Dengan harga prinsipal sebanyak RM100.00 seunit, kos setiap lot papan ialah RM1,000, tidak termasuk kos transaksi.

# 4

## APAKAH **RISIKONYA?**

### **Risiko kredit**

Risiko ini timbul apabila penerbit ETBS tidak mampu membuat pembayaran kupon pada tarikh kupon atau membayar amaun prinsipal kepada pemberi pinjaman pada tempoh matang. Bon dan/atau sukuk kerajaan disokong oleh kerajaan pusat, oleh itu ia dianggap mempunyai risiko kredit yang rendah.

### **Risiko pasaran**

Ini adalah risiko turun naik harga dan dipengaruhi oleh permintaan dan bekalan dalam pasaran.

### **Risiko kadar faedah**

Penilaian ETBS mungkin terjejas oleh perubahan dalam kadar faedah contohnya, jika kadar faedah meningkat, harga ETBS akan jatuh, kerana pelabur akan memindahkan pelaburan mereka untuk menikmati kenaikan kadar faedah yang boleh diperolehi dalam instrumen lain seperti simpanan bank.

# APAKAH PERTIMBANGAN SAYA SEBELUM MELABUR DALAM ETBS?



## Perbandingan Produk

Bon/Sukuk	Saham
Bon/Sukuk adalah Sekuriti Hutang	Saham adalah Sekuriti Ekuiti
Pemegang bon/sukuk – mereka adalah pemilik aset bon dan tidak mempunyai hak terhadap hak milik syarikat	Pemegang saham – pemilik syarikat
Aliran pembayaran tetap dikenali sebagai kupon/dividen	Pembayaran dividen berdasarkan kepada polisi dan prestasi syarikat
Secara amnya berisiko rendah	Dipengaruhi oleh kuasa dan keadaan turun naik pasaran
Had masa atau tempoh matang	Tidak mempunyai tempoh matang, kecuali jika dinyah senaraikan
Saiz dagangan ialah 10 unit	Saiz dagangan ialah 100 unit

*\* Penarafan pemegang bon/sukuk adalah lebih tinggi daripada pemegang saham hak tuntutan balik jika berlaku pembubaran.*



# 6

## MEMULAKAN PELABURAN

### **Bagaimana cara untuk membeli ETBS?**

- Pasaran Utama: Melalui langganan, sama seperti permohonan IPO
- Pasaran Sekunder: Melalui broker anda, sama seperti pembelian saham

### **Bagaimana cara untuk menjual ETBS?**

- Sama seperti penjualan saham melalui broker anda.
- Sekiranya saham dipegang sehingga tarikh matang, pelabur akan memperolehi semula nilai nominal bon pada tarikh matang termasuk juga bayaran faedah atau dividen

### **Bagaimana cara untuk menjana wang daripada ETBS?**

- Memperolehi bayaran faedah atau dividen
- Keuntungan modal – bergantung kepada keadaan pasaran

Untuk pelabur-pelabur baru, sila kunjungi firma broker saham terdekat anda yang berdaftar dengan Bursa Malaysia untuk membuka akaun dagangan sekuriti dan akaun Sistem Depositori Pusat (CDS).

**Untuk maklumat lanjut sila layari [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com)**

## **DISCLAIMER**

This brochure has been provided for general information purposes only. The information contained in this brochure does not constitute legal, financial, trading or investment advice and neither does it make any recommendation or endorsement regarding the product mentioned herein. Although care has been taken to ensure the accuracy of the information within this brochure, Bursa Malaysia does not warrant or represent, expressly or impliedly as to the completeness or the accuracy of the information herein. Bursa Malaysia does not accept any liability howsoever arising, including any liability arising from any trading/investment decisions made on the basis of this information. You are advised to seek independent advice and/or consult relevant laws, regulations and rules prior to trading/investing.

## **PENAFIAN/PERNYATAAN**

Risalah ini disediakan sebagai rujukan umum sahaja. Maklumat yang terkandung dalamnya bukan merupakan sebarang nasihat undang-undang, kewangan, dagangan dan/atau pelaburan serta ia juga tidak menyarankan atau menyokong produk yang disebutkan di sini. Walaupun pelbagai langkah telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam risalah ini, Bursa Malaysia tidak membuat sebarang waranti atau representasi berkenaan ketepatan atau kelengkapan maklumat dalam risalah ini. Bursa Malaysia tidak akan menanggung sebarang liabiliti termasuk liabiliti yang bertimbul akibat keputusan dagangan atau pelaburan yang dibuat berdasarkan maklumat dalam risalah ini. Anda dinasihatkan agar mendapatkan khidmat nasihat bebas dan/atau merujuk undang-undang dan peraturan-peraturan yang relevan sebelum melaksanakan dagangan atau pelaburan.

## **声明：**

本册子只供作一般资讯参考用途。涵盖的资讯并不构成法律、金融贸易或投资建议，也不代表推荐或认可有关产品。虽然大马交易所尽力确保本册子资讯的正确性，但并不担保、代表、表明或暗示有关资料的正确性或完整性。任何基于有关资讯而作的贸易/投资决定，大马交易所概不负责。投资者受促在交易或投资以前，咨询独立顾问的意见及/或咨询相关法令、条例和准则。

## **BURSA MALAYSIA BERHAD**

Exchange Square  
Bukit Kewangan  
50200 Kuala Lumpur  
Malaysia

Tel : +(603) 2034 7000  
Fax : +(603) 2026 3584

**[www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com)**